

## **MUZAKARAH ENAM SIFAT PARA SAHABAH (RADHIALLAHU 'ANHUM)**

<b>MASA:</b>	<b>SETIAP HARI SELEPAS TA'ALIM FADHAIL</b>
<b>TEMPAT:</b>	<b>DI SEMUA RUMAH ORANG ISLAM</b>
<b>KEHADIRAN:</b>	<b>SEMUA AHLI RUMAH</b>
<b>KAEDAH:</b>	<b>DIBACA / HAFAL OLEH SETIAP AHLI RUMAH IKUT GILIRAN</b>

### **BACA / HAFAL TEKS DIBAWAH INI.**

ALLAH SWT TETAPKAN KEJAYAAN HANYA DALAM AGAMA. SIAPA SAHAJA YANG MENTAATI PERINTAH ALLAH DAN BERAMAL CARA RASULULLAH, ALLAH BERI KEJAYAAN DI DUNIA DAN DI AKHIRAT.

UNTUK MUDAHKAN KITA AMAL SELURUH AGAMA, KITA PERLU USAHAKAN BEBERAPA PERKARA YANG TELAH MENJADI SIFAT-SIFAT SAHABAH RADHIALLAHU 'ANHUM AJMA'IN YANG MANA MEREKA TELAH DIREDHAI OLEH ALLAH SWT.

KITA PERLU USAHAKAN:-

1. HAKIKAT KALIMAH LAA ILAHA ILLALLAHU MUHAMMADUR RASULULLAH
2. HAKIKAT SOLAT YANG KHUSYU' DAN KHUDU'
3. HAKIKAT ILMU DAN ZIKIR
4. HAKIKAT IKRAMUL MUSLIMIN
5. HAKIKAT IKHLAS NIAT (TASHIH NIAT)
6. HAKIKAT DAKWAH DAN TABLIGH

### **1. HAKIKAT KALIMAH LAA ILAHA ILLALLAHU MUHAMMADUR RASULULLAH**

**BAHAGIAN PERTAMA: KALIMAH LAA ILAHA ILLALLAH**

**ERTINYA:** TIADA TUHAN YANG WAJIB DISEMBAH MELAINKAN ALLAH

**MAKSUDNYA:** SELAIN DARI ALLAH IAITU MAKHLUK LANGSUNG TIADA KUASA, HANYA ALLAH SAHAJA YANG BERKUASA.

**UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN KALIMAH. CONTOHNYA:- BARANGSIAPA YANG DAPAT UCAP KALIMAH DI AKHIR KALAM WAJIB SYURGA BAGINYA. IMAN YANG SEBESAR ZARAH, ALLAH AKAN KURNIAKAN SYURGA YANG 10 KALI BESAR DUNIA.
- B. AMALKAN** ZIKIR KALIMAH SEBANYAK-BANYAKNYA DENGAN KHUSYUK
- C. LATIHKAN** DIRI KITA UNTUK CAKAP MAFHUM KALIMAH IAITU SELAIN DARI ALLAH TIADA KUASA, YANG BERKUASA HANYA ALLAH. CONTOHNYA:- UBAT TAK BOLEH SEMBUHKAN SAKIT, YANG SEMBUHKAN HANYA ALLAH. MAKANAN TAK BOLEH MENGENYANGKAN, YANG MENGENYANGKAN HANYA ALLAH. (ULANG LAGI DAN LAGI SEKURANG-KURANGNYA 25 KALI SETIAP HARI)
- D. DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT KALIMAH DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.

**BAHAGIAN KEDUA: KALIMAH MUHAMMADUR RASULULLAH. IA JUGA KALIMAH IMAN**

**ERTINYA:** NABI MUHAMMAD ADALAH PESURUH ALLAH

**MAKSUDNYA:** SELAIN DARI CARA NABI SAW LANGSUNG TIDAK BOLEH BAWA KEJAYAAN ATAU KEMENANGAN DI DUNIA DAN DI AKHIRAT.

**UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN SUNNAH NABI SAW. CONTOHNYA:- BARANGSIAPA YANG BERPEGANG DENGAN SUNNAHKU DI ZAMAN ROSAKNYA UMATKU, MAKA BAGINYA PAHALA SYAHID<sup>1</sup>. SIAPA YANG HIDUPKAN SUNNAH, DIA MENYINTAI NABI DAN AKAN BERSAMA-SAMA NABI DALAM

---

1 Muntakhab Ahadith No. 101, ms.76.

SYURGA.

- B. **AMALKAN** SELAWAT SEBANYAK-BANYAKNYA DAN JAWAB SELAWAT BILA DISEBUT NAMA NABI SAW
  - C. **LATIHKAN** DIRI KITA UNTUK AMALKAN SEMUA SUNNAH NABI YANG KITA TAHU. AMALKAN DOA-DOA MASNUN DALAM KEHIDUPAN HARIAN.
  - D. **DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT SUNNAH DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.
- 

## **2. HAKIKAT SOLAT YANG KHUSYU' DAN KHUDU'**

**MAKSUDNYA:** KITA DAPAT MENARIK KHAZANAH ALLAH SWT DAN SELESAIKAN SEMUA MASALAH MELALUI SOLAT. SEKURANG-KURANGNYA SOLAT KITA DAPAT MENCEGAH PERBUATAN KEJI DAN MUNGKAR.

**UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. **DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN SOLAT. CONTOHNYA:- BARANGSIAPA YANG DAPAT MENJAGA SOLAT 5 WAKTU, ALLAH KURNIAKAN 5 GANJARAN:- 1. DIANGKAT KESEMPITAN HIDUP, 2. DIANGKAT AZAB KUBUR, 3. TERIMA BUKU CATITAN AMAL MELALUI TANGAN KANAN, 4. LINTAS TITIAN SIRAT PANTAS SEPERTI KILAT, 5. MASUK SYURGA TANPA HISAB.
  - B. **AMALKAN** SOLAT FARDHU PADA AWAL WAKTU & KAUM IBU PERLU GALAKKAN MAHRAM SOLAT BERJEMAAH AWAL WAKTU DI MASJID.
  - C. **LATIHKAN** DIRI KITA BAWA SIFAT-SIFAT TAAT DALAM SOLAT KE DALAM KEHIDUPAN. SOLAT DENGAN TAWAJUH DENGAN SIFAT IHSAN (SEOLAH-OLAH LIHAT ALLAH ADA DEPAN KITA, ATAU SEKURANG-KURANGNYA YAKIN BAHAWA ALLAH LIHAT KITA). BANYAKKAN SOLAT-SOLAT SUNAT NAWAFIL (SEPERTI TAHAJUD, DHUHA, AWWABIN) DAN RAWATIB (YANG MENGIRINGI SOLAT FARDHU)
  - D. **DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT SOLAT DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.
- 

## **3. HAKIKAT ILMU DAN ZIKIR**

**BAHAGIAN PERTAMA: ILMU**

**MAKSUDNYA:** ILMU YANG DAPAT DEKATKAN DIRI KITA DENGAN ALLAH DAN LEPASKAN DIRI KITA DARI AZAB ALLAH.

**UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. **DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN ILMU. CONTOHNYA:- SESIAPA YANG PERGI KE MASJID HANYA UNTUK MEMPELAJARI ILMU KEBAIKAN ATAU MENGAJARKANNYA, BAGINYA GANJARAN HAJI YANG SEMPURNA<sup>2</sup>. SEORANG ALIM LEBIH DITAKUTI OLEH SYAITAN DARI SERIBU ORANG ABID<sup>3</sup>.
- B. **AMALKAN** SEMUA ILMU YANG KITA TAHU IKUT YANG MANA ALLAH PALING SUKA IKUT CARA NABI SAW PADA SETIAP MASA DAN KEADAAN. SAMPAIKAN ILMU YANG KITA TAHU SAMADA PERINTAH ATAU LARANGAN ALLAH KEPADA ORANG LAIN.
- C. **LATIHKAN** DIRI KITA DENGAN MENGHIDUPKAN TA'ALIM FADHAIL DI RUMAH TERMASUK MUZAKARAH 6 SIFAT SEKURANG-KURANGNYA 30 MINIT. JIKA KAUM IBU ADA MASA'IL, TANYA MAHRAM. GALAKKAN MAHRAM UNTUK HIDUPKAN TA'ALIM FADHAIL DI MASJID SEKURANG-KURANGNYA 30 MINIT.
- D. **DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT ILMU DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.

---

2 Muntakhab Ahadith No. 17, ms. 301.

3 Muntakhab Ahadith No. 29, ms. 307.

## **BAHAGIAN KEDUA: ZIKIR**

**MAKSUDNYA:** SENTIASA INGAT ALLAH PADA SETIAP MASA DAN KEADAAN.

### **UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN ZIKIR. CONTOHNYA:-  
ORANG YANG PERTAMA SEKALI DIPANGGIL MASUK SYURGA IALAH ORANG YANG SENTIASA BERZIKIR MEMUJI ALLAH DALAM KEADAAN SENANG ATAU SUSAH<sup>4</sup>.
- B. AMALKAN** ZIKIR DENGAN PENUH TUMPUAN. TASBIH 100 KALI, SELAWAT 100 KALI DAN ISTIGHFAR 100 KALI SETIAP PAGI DAN PETANG. BACA AL-QURAN SEKURANG-KURANGNYA SATU JUZ SETIAP HARI DAN AMALKAN DOA MASNUN.
- C. LATIHKAN** DIRI KITA DENGAN MENGGUNAKAN PANCAINDERA KITA IAITU LIHAT, FIKIR, DENGAR DAN CAKAPKAN KEBESARAN ALLAH SETIAP HARI.
- D. DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT ZIKIR DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.

---

## **4. HAKIKAT IKRAMUL MUSLIMIN**

**MAKSUDNYA:** KITA MULIAKAN SAUDARA ISLAM KITA SEMATA-MATA IMAN DALAM HATINYA DENGAN SEMPURNAKAN HAKNYA DAN KITA MAAFKAN MEREKA YANG TAK TUNAIKAN HAK KITA

### **UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN IKRAM. CONTOHNYA:-  
SESUNGGUHNYA ORANG YANG PALING HAMPIR DI SISI ALLAH IALAH MEREKA YANG TERLEBIH DAHULU MEMBERI SALAM<sup>5</sup>.  
BARANGSIAPA MAHU REZEKINYA DITAMBAH DAN UMURNYA DIPANJANGKAN, HENDAKLAH DIA MENGHUBUNGKAN SILATURAHMI DI ANTARA SAUDARA-SAUDARANYA<sup>6</sup>.
- B. AMALKAN** DENGAN MULIAKAN ALIM ULAMA, HORMATI YANG TUA DAN KASIH YANG MUDA SERTA KANAK-KANAK. SENTIASA SANGKA BAIK PADA SEMUA ORANG ISLAM DAN SEBARKAN SALAM.
- C. LATIHKAN** DIRI KITA DENGAN ZIARAH SEMUA ORANG ISLAM ATAS MAKSUD AGAMA
- D. DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT IKRAM DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.

---

## **5. HAKIKAT IKHLAS NIAT (TASHIH NIAT)**

**MAKSUDNYA:** SEMUA AMALAN YANG KITA BUAT SEMATA-MATA UNTUK DAPAT REDHA DAN SUKAKAN ALLAH

### **UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN IKHLAS. CONTOHNYA:-  
BERBAHAGIALAH ORANG-ORANG YANG IKHLAS. MEREKA ADALAH PELITA MENERANGI KEGELAPAN DAN KERANA MEREKA TERPADAM FITNAH-FITNAH BESAR<sup>7</sup>.  
BERSEDEKAH SECARA SEMBUNYI DAPAT MEMADAMKAN KEMURKAAN ALLAH<sup>8</sup>.
- B. AMALKAN** SETIAP AMALAN DENGAN ISTIQAMAH DAN JANGAN MENGHARAP APA-APA BALASAN DARI MAKHLUK. BUAT PERINTAH ALLAH DAN TINGGALKAN LARANGAN ALLAH SEMATA-MATA UNTUK

---

4 Muntakhab Ahadith No. 125, ms. 392.

5 Muntakhab Ahadith No. 94, ms. 510.

6 Muntakhab Ahadith No. 269, ms. 579.

7 Muntakhab Ahadith No. 16, ms. 641.

8 Muntakhab Ahadith No. 18, ms. 642.

SUKAKAN ALLAH.

- C. **LATIHKAN** DIRI KITA SUPAYA BERHATI-HATI DALAM SETIAP AMALAN DENGAN PERBETULKAN NIAT SEBELUM, SEMASA DAN SESUDAH BUAT AMAL. JIKA TERASA BUKAN KERANA ALLAH, LEKAS-LEKAS ISTIGHFAR DAN UCAP LA AHAU LAWALA QUWATA ILLA BILLAH.
- D. **DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT IKHLAS DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.

## **6. HAKIKAT DAKWAH DAN TABLIGH**

**MAKSUDNYA:** KITA BETULKAN SILAP FAHAM KITA BAHAWA DIRI, HARTA DAN MASA BUKAN MILIK KITA, BAHKAN SEMUANYA MILIK ALLAH. JADI KITA PERLU KORBANKAN AGAR KITA DAPAT AMALKAN KESELURUHAN AGAMA DAN USAHAKAN SELURUH UMAT MUHAMMAD HINGGA KIAMAT JUGA DAPAT AMALKAN KESELURUHAN AGAMA KERANA ALLAH TELAH BELI DIRI DAN HARTA ORANG MUKMIN DENGAN SYURGA.

**UNTUK MENCAPAI MAKSUD ITU KITA PERLU:-**

- A. **DAKWAHKAN** KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN DAKWAH DAN TABLIGH. CONTOHNYA:-  
FIRMAN ALLAH: WAHAI ORANG BERIMAN! MAHUKAH AKU TUNJUKKAN KEPADAMU SATU PERNIAGAAN YANG AKAN MENYELAMATKAN KAMU DARI AZAB YANG PEDIH. KAMU BERIMAN KEPADA ALLAH DAN RASULNYA DAN KAMU BERJIHAD DI JALAN ALLAH DENGAN HARTA DAN DIRI KAMU, YANG DEMIKIAN ITU ADALAH LEBIH BAIK BAGI KAMU JIKA KAMU MENGETAHUI (AS-SAFF, AYAT 10-11).
- B. **AMALKAN** USAHA TEMPATAN 5 AMAL MASJID IAITU 1. FIKIR HARIAN, 2. BERI MASA 2 ½ JAM SETIAP HARI, 3. HIDUPKAN TAALIM FADHAIL DI MASJID DAN DI RUMAH, 4. ZIARAH 1 DAN ZIARAH 2 SETIAP MINGGU, 5. KELUAR 3 HARI SETIAP BULAN. KAUM IBU PERLU GALAKKAN MAHRAM BUAT 5 AMAL MASJID.
- C. **LATIHKAN** DIRI KITA SUPAYA DAPAT SAMBUT KEPERLUAN AGAMA (TAKAZA) DI SELURUH DUNIA ATAU KAUM IBU GALAKKAN MAHRAM UNTUK TAMBAH KORBAN KELUAR DI JALAN ALLAH:
  - i. DARI NISAB BULANAN 3 HARI KEPADA 10 HARI SETIAP BULAN
  - ii. DARI NISAB TAHUNAN 40 HARI KEPADA 4 BULAN SETIAP TAHUNATAU SEKURANG-KURANGNYA KELUAR KE JALAN ALLAH IKUT NISAB. KAUM IBU JUGA PERLU SEDIAKAN DIRI DAN MAHRAM KELUAR KE JALAN ALLAH 3 HARI SETIAP 3 BULANAN DAN 40 HARI / 2 BULAN SETIAP 3 TAHUNAN
- D. **DOA** SAMBIL MENANGIS SEPERTI SEORANG FAKIR MERAYU AGAR ALLAH MASUKKAN HAKIKAT DAKWAH DAN TABLIGH DALAM HATI KITA DAN UMAT HINGGA KIAMAT.

**UNTUK ITU SEMUA SEDIA INSYA-ALLAH!**

**BEBERAPA PESANAN UNTUK WANITA / MASTURAT:-**

1. SOLAT PADA AWAL WAKTU
2. HIDUPKAN AMALAN TA'ALIM FADHA'IL DIRUMAH
3. ZIKIR DAN BACA AL-QURAN
4. HIDUP SEDERHANA
5. DIDIK ANAK IKUT SUNNAH
6. SEDIAKAN DIRI DAN MENYEDIAKAN MAHRAM KELUAR KE JALAN ALLAH

SEMOGA ALLAH TAALA BERI KITA SEMUA TAUFIK DAN HIDAYAH UNTUK AMAL DAN SAMPAIKAN. TUTUP MAJLIS DENGAN TASBIH KIFARAH.

>>>>> HANYA SEBAGAI PANDUAN UNTUK MUZAKARAH <<<<<<

BOLEH DOWNLOAD PERCUMA DI:

[www.5amalmasjid.wordpress.com](http://www.5amalmasjid.wordpress.com)